

01/04/2000

Ku Li ajak ahli Umno sokong Dr M, Pak Lah

GUA MUSANG, Jumaat - Tengku Razaleigh Hamzah, hari ini mengajak semua ahli Umno memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menerajui kepemimpinan parti.

Katanya, sokongan itu perlu bagi memastikan barisan baru kepemimpinan Umno menjadi pasukan kuat dan kental demi masa depan orang Melayu serta negara.

Sehubungan itu, beliau juga mahu ahli parti supaya mengikis jika ada tanggapan wujudnya jurang perbezaan yang luas di antara mereka.

"Mari kita memberi sokongan kepada mereka (Dr Mahathir dan Abdullah). Mari kita terima barisan baru kepemimpinan Umno untuk sama-sama menjadi pasukan yang kuat dan kental demi masa depan orang Melayu dan negara tercinta.

"Kalau kita ditanggapi mempunyai jurang perbezaan yang luas, mari kita padamkan tanggapan itu segera," katanya merasmikan persidangan perwakilan bahagian Gua Musang di Balai Rakyat Bukit Cekati dekat sini, pagi ini.

Hadir sama bekas Menteri Pertanian, Tan Sri Shariff Ahmad; Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor dan Ketua Penerangan Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Mohd Rozali Ishak.

Ketua Umno Bahagian Gua Musang itu berkata, saranannya selaras dengan kehendak bahagian Umno yang mempunyai keputusan untuk akur kepada kemahuan pucuk pimpinan tertinggi parti dalam menentukan kepemimpinan mereka.

"Saya turut yakin bahawa dengan dokongan kita bersama, kita berharap kepemimpinan ini akan mampu memberi keyakinan baru kepada seluruh rakyat Malaysia, khususnya keyakinan orang Melayu terhadap Umno.

"Kita mahu Umno terus kuat, terus kukuh sepanjang zaman. Semoga Umno di bawah kepemimpinan baru ini akan dapat mengukuhkan kestabilan politik negara," katanya.

Ini kerana, jelasnya, melalui kestabilan politik, kemajuan ekonomi dan semua bidang akan dapat dicapai dengan pesatnya.

Tengku Razaleigh yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, sekali lagi menegaskan beliau tidak mempunyai rancangan untuk merebut jawatan tinggi dalam parti walaupun ada pihak memintanya menyatakan pendirian berhubung isu itu.

Bagaimanapun, katanya, itu tidak bermakna beliau tidak mempunyai prinsip dan mahu lari daripada tanggungjawab dalam perjuangan parti.

"Prinsip saya kekal untuk melihat orang Melayu terus kuat dan negara ini diperintah berdasarkan pemerintah yang baik. Tanggungjawab saya kekal untuk terus berkhidmat kepada kaum Melayu dan negara yang saya cintai.

"Namun saya percaya, tanggungjawab tidak semestinya hanya dengan jawatan dan kedudukan. Bagi saya, biarlah orang di bawah menentukan apa yang lebih layak untuk saya daripada saya mengatakan sayalah yang paling layak untuk jawatan itu atau ini.

"Sekiranya orang bawah menganggap saya tidak layak memikul apa pun jawatan dalam parti, saya rela untuk terus menjadi gurdha dan berada di mana-mana barisan perjuangan," katanya.

(END)